

# Jangan dengar khabar angin

MELAKA, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan pelabur di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) supaya tidak terpengaruh dengan khabar angin syarikat tertentu akan memperolehi kontrak atau projek menjelang perhimpunan agung Umno, November ini.

"Kita agak terperanjat dengan peningkatan dagangan yang mencapai 1 bilion saham di BSKL semalam. Saya berharap ia adalah dagangan sihat kerana saya selalu menekankan amat penting sekali dagangan di situ berasaskan kepada prestasi syarikat dan bukan khabar angin.

BH 17/4/93  
"Kadang-kadang pembawa khabar angin membuat spekulasi kononnya satu syarikat mendapat satu projek atau kontrak. Kita berharap kegiatan cergas BSKL bukan kerana itu," katanya.

Dr Mahathir menegaskan peniaga tidak perlu terpengaruh dengan label 'syarikat yang mempunyai hubungan rapat dengan Umno atau 'syarikat Umno yang dikatakan akan mendapat kontrak.

"Kita tidak ada syarikat yang berkaitan dengan Umno walaupun ramai orang buat tuduhan. Umno sebuah parti yang mempunyai banyak orang Melayu dan memang kita kenal banyak peniaga. Tetapi kalau kita kenal

peniaga tidak menjadikan syarikat itu syarikat Umno.

"Memang kita akui kadang-kadang kita minta derma, tetapi tidak bermakna syarikat itu menjadi syarikat Umno. Orang nak derma kita terima," katanya di akhir lawatannya selama dua hari ke Melaka.

Semalam, BSKL mencatat dua rekod baru apabila sejumlah 1.032 bilion unit saham bernilai RM2.444 bilion diniagakan, iaitu paras tertinggi dalam sejarah negara.

BSKL, yang diniagakan dalam dagangan cergas kelmarin, membolehkannya mengatasi rekod tertinggi sebelum ini, 944.788 juta saham bernilai

RM2.003 bilion yang dicatatkan semalam.

Spekulasi berterusan yang melanda kebanyakan kaunter berharga murah dan sederhana di bursa itu membolehkan pasaran terus disokong terutama oleh pembelian secara besar-besaran pada sesi dagangan pagi.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, aliran dagangan cergas BSKL yang berterusan walaupun setelah diberi amaran oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim menunjukkan keyakinan peniaga terhadap suasana pelaburan di negara ini.

"Kita terpaksa akui selepas amaran itu masih juga orang berminat

membeli, mungkin jugr mereka mengetahui sesuatu atau mereka yakin dengan suasana pelaburan di negara ini sehingga menyebabkan begitu banyak sekali saham dijual," katanya.

Dr Mahathir juga yakin BSKL berupaya menampung bilangan dagangan yang begitu tinggi.

Mengenai lawatannya ke Melaka, Perdana Menteri berpuas hati dengan jualan negeri ini yang mencapai pertumbuhan ekonomi melebihi purata pada peringkat nasional iaitu 8.6 peratus.

Katanya, beliau juga berpuas hati dengan projek yang dilihatnya di Melaka terutama industri pengeluaran komputer,